

Peribahasa Arab

Peribahasa atau perumpamaan dalam bahasa Arab ialah sesuatu tutur kata yang indah, sedikit pengucapannya tetapi banyak pengertiannya dan luas maknanya. Kata-kata hikmah ini kadang-kadang diucapkan oleh seseorang pujangga, seseorang penyair, dan kadang-kadang diperkatakan oleh seseorang manusia biasa tetapi berasal dari suatu peristiwa, yang kemudiannya menjadi teladan dan perbandingan turun temurun.

Di bawah ini saya nukilkan setengah-setengah daripada perumpamaan dan peribahasa Arab itu, yang mungkin ada gunanya untuk tatapan para pembaca.

(Oleh Ain. Jim)

Kuda Lebih Mengenal Penunggangnya. Asalnya : *al-khiyal a'lam bi farsānihā*

Perumpamaan ini hampir serupa dengan peribahasa Melayu yang berbunyi: "*jauhari sahajalah yang mengenali manikam*" ertinya orang yang arif dan bijaksana sahajalah yang tahu menghargai sesuatu, sama ada barang itu berguna atau tidak, kalau pada manusia pula, sama ada orang itu berilmu dan bijaksana atau hanya pandai bercakap sahaja tetapi tiada berilmu pengetahuan

Berasalnya perumpamaan ini mungkin dari suatu kejadian yang berlaku di tanah Andalusia (Spain) di zaman Ali Mamnun memerintah negeri *Tulaytulah* (Toledo: sekarang) diceritakan waktu ia menyamar sebagai seseorang saudagar dan menunggang kuda, tiba-tiba ada seorang miskin meminta kepadanya dibawa ke dalam kota kerana ia tak tahan berjalan kaki, dengan hati yang ikhlas dibawanya orang miskin itu menunggang kuda bersamanya. Tetapi apabila telah sampai ke dalam kota, orang miskin itu tak mahu turun dari atas kudanya malahan mendakwa bahawa kuda yang ditunggangnya

itu ialah kudanya. Perbalahan itu sampailah ke pengetahuan hakim negeri itu. Oleh hakim negeri itu yang adil dan bijaksana diaturnya beberapa banyak kuda yang hampir-hampir sama untuk dipilih oleh dua orang yang berbalahan itu, kalau benar orang itu yang mempunyai kuda yang diperbalahkan tentu dengan senang ia mengenal kudanya sendiri di antara beberapa banyak ekor kuda itu.

Tetapi malangnya, kuda yang ditunjuk oleh Ali Mamnun bahawa kuda itu kepunyaannya, kuda itu kepunyaannya, kuda itu jugalah yang ditunjuk oleh orang miskin tadi. Biar pun demikian, namun hakim yang adil dan bijaksana itu dapat menentukan bahawa kuda itu sebenarnya kepunyaan Ali Mamnun, dan orang miskin itu dihukum kerana cuba menipu dan bercakap dusta.

Waktu ditanya oleh Ali Mamnun bagaimana hakim itu dapat memastikan bahawa kuda itu kepunyaannya, bukan kepunyaan si miskin itu? Hakim itu dengan tersenyum lalu menjawab: " Kuda itu bila tuan yang mendekatinya ia bersuara seperti menyuarakan rasa rindu hatinya

kepada tuannya, tetapi apabila didekati oleh orang lain yang bukan tuannya ia bersuara seolah-olah ketakutan. Itulah yang menyebabkan saya yakin kuda itu kepunyaan tuan”

Dari peristiwa ini berkekalanlah perumpamaan “*kuda lebih mengenali penunggangnya atau lebih mengenali tuannya*”

Kerbau Menjaga Hidungnya dengan Tanduknya. Asalnya:

as-syūr yuḥmī anfihī bi rūkhi

Dimaksudkan bagi seseorang atau sesuatu kaum biar bagaimana lemahnya janganlah disangka ianya akan mudah ditakluk atau diperdayakan, kerana biar bagaimana lemah atau bodohnya, ia akan mempertahankan dirinya biar dengan apa cara sekalipun.

Ditunjukkan juga untuk mempertahankan diri daripada kekuatan senjata atau kekuatan pertahanan sahaja malahan dengan apa daya pun boleh dipertahankan segenap inci bumi tanah air daripada dipijak atau ditakluki oleh musuh atau penjajah. Sedangkan kerbau juga pandai mempertahankan diri dengan kekuatan tanduknya.

Berasalnya perumpamaan ini ialah daripada kejadian sehari-sehari yang pernah berlaku di sekitar masyarakat mereka. Binatang kerbau yang dijadikan orang sebagai lambang kebodohan, tetapi ia tetap tidak mahu diperbodoh-bodohkan. Tidak mudah seseorang itu hendak menaklukinya, atau hendak

menguasainya dan sedaya upayanya ia akan mempertahankan diri, bila didapati dirinya terdesak ia akan mengamuk dengan menggunakan tanduknya yang tajam itu.

Bercermat Lebih Daripada Semut. Asalnya: *Ajma’ min namilah*

Dimaksudkan bagi seseorang yang pandai mengumpul harta, hingga boleh menjadi kaya padahal berasal daripada seseorang miskin biasa. Pandai berjimat cermat, pandai beriktisad.

Dimaksudkan juga bagi ejekan kepada seseorang yang terlalu kikir (bakhil) yang diertikan sama dengan perumpamaan Melayu “*tangkai jering*”. Apa yang di dalam genggamannya atau tangannya jarang hendak dilepaskan ke tangan orang lain.

Berasalnya perumpamaan ini ialah daripada binatang semut. Semut diceritakan oleh orang, adalah secerdik-cerdik binatang menyimpan barang-barang makannya, untuk berjaga-jaga di hari belakangnya yang mungkin susah hendak dicarinya barang-barang makanan seperti yang didapatinya pada hari ini. Khabarnya bila berjumpa dengan seketul gula atau seulas nasi, makanan itu tidak serta merta dimakan dan dihabiskannya, tetapi terus disembunyikan di tempat tinggalnya dan di makanannya berdikit-dikit sampai jangan segera habis. Semua itu adalah dicadangkan jangan sampai ia kehabisan makanan di masa-masa yang akan datang, terutama di masa musim penghujan, yang tidak mudah baginya hendak keluar seperti biasa kerana mencari makanan.

Siapa Menggali Lubang Dialah Memasukinya. Asalnya Peribahasa Ini dalam Bahasa Arabnya: *man hufir hufrih waqa’a fitha*

Dimaksudkan kepada seseorang yang hendak membuat

SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU III

DRAMA

Harga \$7.00

Pesan kepada :-

QALAM

356/8, GEYLANG ROAD,

Singapore 14

kejahatan terhadap orang lain atau orang yang hendak melakukan pengkhianatan terhadap sesama sendiri (sebangsa, seagama dan setanah air) maka sebelum kebinasaan atau kecelakaan itu berlaku kepada orang yang dikhianatinya, terlebih dahulu akan berlaku kepada dirinya sendiri, berasalnya perumpamaan ini mungkin daripada kejadian-kejadian yang berlaku setiap hari, iaitu setiap orang yang membuat lubang seperti perigi atau liang lahad (kuburan), untuk menyiapkannya, sebelum dimasukkan oleh orang lain tentu akan dimasuki lebih dahulu oleh orang yang membuatnya beberapa kali sampailah keadaan perigi atau kuburan itu memuaskan barulah digunakan atau barulah si mati (atau mayat) yang hendak dikuburkan itu dimasukkan ke dalamnya. Daripada kejadian-kejadian ini, orang-orang arif dan bijaksana menjadikannya peribahasa yang kekal menjadi

sebutan hingga sekarang ini: “*siapa menggali lubang dialah yang akan memasukinya terlebih dahulu*”

Dalam peribahasa Melayu demikian juga bunyi dan maksudnya. Malahan ditambah dengan maksud lubang yang ditunjukkan oleh peribahasa itu ialah lubang perangkap untuk menjerat binatang-binatang liar, atau binatang-binatang buruan. Kerana untuk menyiapkan lubang perangkap itu, si pembuat itu juga terpaksa memasukinya terlebih dahulu untuk dapat diagak-agak sudah memadakah¹ lubang yang sedalam itu untuk memerangkap binatang-binatang buruannya. Malahan ada kalanya setelah diatur dengan baik, tiba-tiba si pemburu yang membuat perangkap itu sendiri yang terjerumus termasuk ke dalam perangkap yang dibuatnya itu, sebelum binatang-binatang lain yang dihajatkannya terperangkap.



Abu Bakar As-Siddiq

Buku sejarah Islam yang menceritakan khalifah Rasulullah yang pertama iaitu “Abu Bakar Al-Siddiq”

susunan Sheikh Abdullah Basmeh telah dicetak semula dalam satu penggal, siap untuk dipesan dengan

harga senaskhah \$2.50

* * *

Buku ini telah dicetak dua penggal kerana pada masa diterbitkan dahulu penghargaan kepada buku-buku tarikh tidaklah sebegitu mendapat perhatian. Melihat kepada perkembangan-perkembangan yang ada sekarang maka buku ini dicetak semula dengan dijadikan satu penggal dengan diubah tekniknya mengikut perkembangan masa sekarang. Dengan perubahan tekniknya ini diharap kelak dapatlah ia menarik perhatian pembaca-pembaca dan penggemar-penggemar perpustakaan untuk membaca dan memilikinya.

Pesan kepada

Qalam, 356/8 Geylang Road Singapura 14

¹ memadaikah